

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIB/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 19 MAC 2025, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 10

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1541-L13596
Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan berapa ramaiakah peserta program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) mengikut kategori dan berapakah jumlah yang telah berjaya melepasi garis pendapatan RM1,700.

2. PN-1541-L13848
Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah Kerajaan dalam menangani kenaikan harga insurans kesihatan yang semakin membebankan rakyat. Adakah Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan kawalan harga atau insentif bagi memastikan perlindungan kesihatan kekal mampu milik bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

3. PN-1541-L13528
Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah kriteria pemberian status warganegara Malaysia kepada pemain-pemain bola sepak yang dibawa dari luar negara. Adakah Kementerian juga bercadang untuk memberikan kelonggaran permohonan kewarganegaraan kepada pemain-pemain sukan yang lain seperti bola keranjang dan sukan-sukan lain.

4. PN-1541-L13164
Senator Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah-langkah jangka panjang yang diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan penglibatan para belia (*young agropreneurs*) dalam sektor pertanian yang dilihat masih rendah pada ketika ini.

5. PN-1541-L13532
Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan bagaimanakah Majlis Amanah Rakyat (MARA) merancang untuk mempertingkatkan akses kepada pendidikan dan latihan untuk golongan muda Bumiputera di luar bandar terutamanya dalam menghadapi cabaran kemiskinan dan kekurangan peluang pekerjaan.
6. PN-1541-L13808
Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah jenis-jenis persijilan yang ditawarkan di bawah Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) dan berapakah bilangan institusi pengajian tinggi yang telah menerima persijilan tersebut.
7. PN-1541-L13711
Senator Datuk Nelson W Angang minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perincian keberhasilan usaha-usaha reformasi pendidikan yang dilaksanakan oleh Kementerian setakat ini.
8. PN-1541-L13627
Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan fokus pertahanan maritim di Perairan Selat Melaka dan Laut China Selatan dan sejauh manakah Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) menangani ancaman dan provokasi penguatkuasaan di kawasan pertindihan sempadan negara.
9. PN-1541-L13639
Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam memastikan lebih ramai pelajar India dapat melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi dengan pemberian biasiswa dan pinjaman pendidikan yang lebih fleksibel.
10. PN-1541-L13738
Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah jumlah pusat bagi kanak-kanak istimewa di negeri Sarawak dan adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk menambah pusat ini di Sarawak.

11. PN-1541-L13686
Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-
- (a) Perancangan Kerajaan dalam menyemai dan memupuk nilai-nilai perpaduan kaum dan silang budaya di peringkat sekolah menengah; dan
 - (b) Adakah Kementerian bercadang untuk mengangkat subjek ini sebagai modul khas pembelajaran.
12. PN-1541-L13544
Senator Datin Ros Suryati binti Alang minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status pengambilan tanah dan kerja penambahbaikan yang didakwa hampir 45 peratus belum dapat dimuktamadkan bagi projek Transit Aliran Ringan (LRT) Pulau Pinang yang menelan perbelanjaan melebihi RM10.5 bilion.
13. PN-1541-L13622
Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status pembinaan Lebuhraya Pan Borneo Fasa 1B dan bilakah tempoh siap bagi keseluruhan Lebuhraya Pan Borneo.
14. PN-1541-L13691
Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah kapasiti pengeluaran industri farmaseutikal negara dan adakah pengeluarannya diselaraskan dan dapat menampung keperluan penjagaan kesihatan negara.
15. PN-1541-L13144
Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah Kementerian akan menyediakan geran pemula bagi usahawan muda dalam golongan sasaran OKU untuk memulakan perniagaan dalam sektor pertanian dan makanan.
16. PN-1541-L13860
Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah Kerajaan dalam memastikan nasib ribuan pekerja Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS) yang terpaksa diberhentikan pada separuh kedua tahun ini tetap terbela, susulan dijangkakan kira-kira 30 peratus hasil PETRONAS akan berkurangan apabila formula pengagihan gas asli di Sarawak dilaksanakan yang membabitkan PETRONAS dan Petroleum Sarawak Berhad (PETROS).

17. PN-1541-L13755

Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) Apakah usaha Kerajaan dalam memperkukuhkan literasi sains di peringkat sekolah termasuk menambah baik kurikulum dan melatih guru dengan kaedah pengajaran lebih berkesan; dan
- (b) Bagaimanakah Kerajaan menangani masalah 1.1 juta pelajar yang tidak memiliki kemahiran literasi sains mencukupi yang bakal menjejaskan kemampuan Malaysia dalam membangunkan tenaga kerja berkualiti dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

18. PN-1541-L13888

Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan usaha yang diambil untuk mengangkat Masjid Jamek Sultan Abdul Samad yang siap dibina pada tahun 1909 sebagai warisan negara di tengah-tengah ibu kota Kuala Lumpur.

19. PN-1541-L13568

Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan strategi dan langkah intervensi Kerajaan bagi memastikan kilang padi Bumiputera mampu beroperasi ekoran situasi tekanan lonjakan harga belian padi yang tinggi di sebalik harga beras yang masih rendah.

20. PN-1541-L13124

Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tindakan yang diambil Kerajaan supaya definisi '*seizure*' di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AMLA) dan undang-undang berkaitan diperhalusi supaya tidak melibatkan Tanah Hak Adat Bumiputera (NCR) di Sarawak.

21. PN-1541-L13505

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan usaha Kementerian dalam mendorong tranformasi industri ke arah Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) termasuk penggunaan teknologi automasi kecerdasan buatan (AI) dan data raya dalam sektor pembuatan.

22. PN-1541-L13880

Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah sekolah di seluruh negara yang telah melaksanakan pendidikan tahap prasekolah khasnya untuk anak-anak golongan berpendapatan rendah.

23. PN-1541-L13431

Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan sejauh manakah usaha kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan negeri yang mempunyai sumber mineral dan apakah insentif yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan bagi membangunkan sumber tersebut.

24. PN-1541-L13764

Senator Dato' Sivaraj a/I Chandran minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah Kerajaan untuk memastikan lebih ramai pelajar dapat melanjutkan pengajian selepas Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) terutamanya dalam bidang kemahiran teknikal dan vokasional serta menyediakan bantuan kewangan yang mencukupi bagi mereka yang kurang berkemampuan.

25. PN-1541-L13224

Senator Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan :-

- (a) Apakah potensi pelaburan yang telah berjaya dibincangkan oleh YAB Perdana Menteri semasa lawatan kerja selama lima hari di United Kingdom pada Januari yang lalu; dan
- (b) Bagaimanakah Kerajaan akan mengimbangi kerjasama strategik antara Malaysia dan United Kingdom (UK) agar kedua-dua negara mendapat manfaat bersama dari segi pelaburan, susulan UK telah menerima pelaburan berbilion ringgit dari Malaysia menerusi YTL Corporation Berhad dan Gamuda Berhad.

26. PN-1541-L13134

Senator Tuan Isaiah a/I D Jacob minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) Berapakah jumlah kakitangan awam dalam kalangan Orang Kurang Upaya (OKU) mengikut Kementerian, gred jawatan dan jumlah penjawatan tetap dan kontrak; dan
- (b) Apakah perancangan Kerajaan untuk menambah kakitangan dalam kalangan OKU di syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan (GLC).

27. PN-1541-L13398
Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan jenis peruntukan/geran untuk menyokong pembangunan teknologi hijau di Malaysia dan usaha-usaha kemampanan negara.
28. PN-1541-L13549
Senator Datin Ros Suryati binti Alang minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah Kementerian mengambil perhatian serius terhadap penguatkuasaan Undang-Undang Kecil Bangunan (WPKL) 1985 bagi pembinaan bangunan berskala mega dan baharu di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya, dan Labuan khususnya terhadap pemaju yang membina bangunan tinggi tetapi gagal menyelenggara atau membaik pulih sehingga menyebabkan bangunan menjadi kusam, mengalami banyak kerosakan dan mencacatkan pemandangan seperti keadaan Menara Tulus dan Menara Ikhlas di Persiaran Perdana, Presint 3, Putrajaya.
29. PN-1541-L13706
Senator Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah yang diambil Kementerian dalam menyebarkan maklumat kemudahan Orang Kurang Upaya (OKU) di tempat awam kepada masyarakat kerana ramai yang kurang memahami mengenainya, sebagai contoh ramai yang keliru mengenai kelayakan pengiring (pemandu) kepada OKU untuk meletakkan kenderaan di petak parkir OKU.
30. PN-1541-L13420
Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :-
- (a) Pelan perancangan bagi Kementerian untuk membentangkan Rang Undang-Undang (RUU) Kualiti Benih Tanaman di Parlimen; dan
 - (b) Sejauh manakah Kementerian telah mengadakan rundingan dengan semua pihak berkepentingan khususnya petani, pesawah, dan badan bukan kerajaan (NGO) sebelum merangka dan membentangkan RUU ini.
31. PN-1541-L13840
Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan usaha Kerajaan dalam menangani kes HIV khususnya dalam kalangan pelajar universiti yang semakin membimbangkan dan adakah Kerajaan akan mewajibkan ujian HIV semasa sesi pendaftaran.

32. PN-1541-L13827

Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mencegah pengimportan sampah plastik dan bahan buangan berbahaya. Sejauh manakah keberkesanan langkah-langkah tersebut.

33. PN-1541-L13610

Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk memperkasakan peranan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JPKKP) memandangkan ia kurang diiktiraf di negeri-negeri pembangkang.

34. PN-1541-L13557

Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan pandangan Kerajaan berhubung kemunculan platform kecerdasan buatan (AI) sumber terbuka China iaitu DeepSeek dan sejauh manakah Kerajaan mengkaji implikasi kewujudan platform ini terhadap Malaysia yang sedang berkembang pesat dengan landskap teknologi AI.

35. PN-1541-L13490

Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian dalam menangani isu keterjaminan makanan ekoran kawasan penanaman padi diseluruh negara yang semakin menurun dan data daripada Kementerian merekodkan keluasan penanaman padi bagi tahun 2018 seluas 699,980 hektar menurun kepada 614,082 hektar pada tahun 2023.

36. PN-1541-L13213

Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah Kementerian menguruskan komunikasi kepada rakyat berhubung isu penstrukturan semula Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) yang dikaitkan dengan BlackRock dan seterusnya dikaitkan dengan kepentingan Israel sehingga menjadi bahan serangan terhadap Kerajaan MADANI pada hari ini.

37. PN-1541-L13416

Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan statistik terkini perbezaan antara kemasukan ke institut pengajian tinggi awam (IPTA) melalui laluan terbuka dan melalui permohonan Unit Pusat Universiti (UPU) pada tahun 2023 dan 2024.

38. PN-1541-L13378
Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah usaha-usaha yang dilaksanakan Kementerian untuk menggalakkan pelancongan domestik dan pelancongan asing di kawasan sempadan Malaysia.
39. PN-1541-L13468
Senator Datuk Rosni binti Sohar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan prestasi kewangan Tabung Haji selepas penstrukturan yang dijalankan sejak tahun 2018 dan adakah penstrukturan tersebut mencapai objektif yang telah ditetapkan.
40. PN-1541-L13268
Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk menambah baik sistem perlindungan dan sumber untuk wanita yang menjadi mangsa terhadap keganasan rumah tangga termasuk perlindungan dan sokongan psikososial.
41. PN-1541-L13248
Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian mengenai jangkaan MIDF Amanah Investment Bank Berhad terhadap inflasi negara yang akan mencecah 2.8 peratus pada tahun 2025.
42. PN-1541-L13117
Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah status pelaksanaan terkini RM814.6 juta yang melibatkan 290 program/projek luar bandar di Sarawak dan RM326.6 juta untuk Parlimen Saratok yang telah diluluskan dan berapakah yang mengalami kelewatan dalam pelaksanaannya.
43. PN-1541-L13448
Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk memperbanyakkan lagi skim pembiayaan kepada usahawan pemula yang seringkali menghadapi kesukaran dalam tempoh enam bulan pertama sebelum layak menerima pembiayaan.

44. PN-1541-L13684

Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) Bilangan kes diabetis yang sedang mendapat rawatan dari Klinik Kesihatan Kerajaan dan apakah pencapaian audit klinikal pengurusan Diabetes Melitus di Klinik Kesihatan mengikut negeri; dan
- (b) Apakah sasaran asal untuk inisiatif tersebut dan apakah inisiatif khusus untuk menangani Diabetes Melitus di Malaysia.

45. PN-1541-L13702

Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah usaha dan langkah Kementerian untuk mengawal peniaga-peniaga kecil daripada menggunakan kawasan parkir sebagai tempat berniaga.

46. PN-1541-L13599

Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan perincian penerimaan wang sumbangan ke atas Tabung Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu (KWTBB) sehingga Januari 2025 dan sejauh manakah peruntukan ini dibelanjakan bagi memastikan pembangunan sektor tenaga dapat dimanfaatkan oleh pengguna.

47. PN-1541-L13288

Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kewajaran Kerajaan mengamalkan pendekatan kawal selia daripada pengharaman sepenuhnya penggunaan vape dan apakah perancangan Kerajaan untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai bahaya penggunaan vape serta mencadangkan pengharaman keseluruhan terhadap penggunaan vape di Malaysia.

48. PN-1541-L13154

Senator Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik terkini berkenaan kekurangan guru bahasa Mandarin dan bahasa Tamil di Sekolah Bantuan Kerajaan dan langkah yang akan diambil oleh Kementerian bagi memastikan keperluan ini dipenuhi.

49. PN-1541-L13239
Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah pembinaan Kapal Tempur Pesisir (LCS) menepati jadual yang telah dirancang dan adakah Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) menerima keuntungan yang tinggi daripada projek Kapal Tempur Pesisir (LCS) ini.
50. PN-1541-L13731
Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah pekerja asing yang tidak sah di Malaysia dan apakah inisiatif yang diambil untuk menangani isu ini.
51. PN-1541-L13346
Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah Kementerian bagi menilai semula dasar 60:40 Sains atau Teknikal dan Sastera yang dilaksanakan sejak tahun 1970 seiring dengan Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) dan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030).
52. PN-1541-L13366
Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah langkah-langkah pencegahan dan kawalan yang diambil oleh Kementerian bagi membendung pertikaian berkaitan Laut China Selatan agar tidak menjadi punca ancaman perang.
53. PN-1541-L13651
Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Malaysia mengalami masalah kekurangan pelaut dan apakah tindakan Kerajaan dalam memastikan industri perkapalan negara tidak terjejas akibat masalah tersebut dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maritim.
54. PN-1541-L13322
Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam menangani isu kuarters guru yang tidak berfungsi atau tidak dapat didiami akibat keadaan yang uzur ekoran tidak diselenggara dan berapakah jumlah kuarters guru yang tidak berfungsi di seluruh negara serta apakah langkah Kerajaan untuk membaik pulihnya.

55. PN-1541-L13174

Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha Kerajaan bagi mengelakkan dan menamatkan keberulangan dalam isu tuntutan waris Kesultanan Sulu terhadap kedaulatan Wilayah Sabah sekaligus merujuk kepada kejayaan Malaysia dalam mempertahankan kedaulatannya di Mahkamah Agung Perancis.

56. PN-1541-L13672

Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) Adakah Kementerian dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) boleh memberikan jaminan bahawa anak Indira Gandhi yang diculik pada 2009 masih berada di Malaysia; dan
- (b) Apakah usaha untuk mengesan dan mengembalikan anak tersebut kepada ibunya seperti yang digesa oleh Ketua Hakim Negara, Tun Maimun.

57. PN-1541-L13514

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status terkini jumlah yang diperuntukkan bagi menampung kos operasi perkhidmatan bas henti-henti di kawasan luar bandar yang kurang menguntungkan dan apakah langkah Kerajaan dalam memastikan kesinambungan perkhidmatan tersebut demi kemudahan rakyat.

58. PN-1541-L13296

Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan berapakah jumlah kos keseluruhan pelaksanaan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) 3.0 yang bermula tahun ini dan adakah Kementerian telah menilai keberkesanan modul latihan singkat dalam PLKN 3.0 bagi memastikan ia memberikan impak yang sepadan dengan kos pelaksanaannya.

59. PN-1541-L13785

Senator Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membentuk jawatankuasa bebas bagi memberi perlindungan kepada kakitangan perubatan yang mengalami masalah buli dan gangguan seksual di tempat kerja.

60. PN-1541-L13194

Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) Anggaran kemusnahan harta sekolah akibat bencana banjir yang melanda Sarawak baru-baru ini dan tindakan susulan Kerajaan selepas banjir; dan
- (b) Adakah banjir yang melanda pada 29 hingga 31 Januari 2025 tersebut turut menjejaskan pemulihan sekolah-sekolah daif yang terdapat di Sarawak dan bilakah kajian terperinci mengenai hal ini dapat disiapkan.

61. PN-1541-L13331

Senator Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bagaimanakah sambutan terhadap Pusat Remaja Kafe@TEEN di bawah kendalian Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dan adakah ia berjaya mencapai objektifnya.

62. PN-1541-L13821

Senator Tan Sri Datuk Prof. Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kerajaan merancang untuk membina sebuah model perumahan rakyat dengan memperkenalkan mekanisme *price-indexed control* terutamanya di bandar-bandar besar di seluruh negara dengan mengadaptasi model luar negara bagi membendung pihak pemaju swasta supaya tidak lagi mendominasi harga pasaran tanpa mekanisme kawalan yang berasaskan produktiviti dan harga mampu milik sebenar.

63. PN-1541-L13480

Senator Puan Noorita binti Sual minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah dan apakah bentuk bantuan kepada mangsa-mangsa bencana banjir di Sabah dan Sarawak memandangkan keadaan cuaca yang masih tidak menentu ketika ini.

64. PN-1541-L13389

Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan :-

- (a) Apakah mekanisme pemantauan oleh Kerajaan dalam menilai keberkesanan peruntukan yang telah disalurkan bagi projek pelancongan di Kelantan di bawah RMKe-12; dan
- (b) Berapakah jumlah projek yang telah mencapai tahap siap sepenuhnya, dalam pelaksanaan atau terbengkalai.

65. PN-1541-L13311

Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian bagi memastikan keselamatan negara tetap terjamin dalam situasi geopolitik yang semakin tegang.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R.63/2024) Rang Undang-undang Majlis Media Malaysia 2024 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Komunikasi]

2. (D.R.62/2024) Rang Undang-undang BERNAMA (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Komunikasi]

3. (D.R.1/2025) Rang Undang-undang Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Perpaduan Negara]

4. (D.R.5/2025) Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Perdana Menteri]

5. (D.R.4/2025) Rang Undang-undang Perkhidmatan Parlimen 2025 (dengan pindaan di peringkat Jawatankuasa sebuah-buah Majlis) **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Perdana Menteri]

6. (D.R.3/2025) Rang Undang-undang Perbekalan **Bacaan Kali Yang Kedua**
Tambahan (2024) 2025

[Menteri Kewangan]

7. (D.R.8/2025) Rang Undang-undang Kumpulan Wang **Bacaan Kali Yang Kedua**
Simpanan Pekerja (Pindaan) 2025

[Menteri Kewangan]

8. (D.R.2/2025) Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba **Bacaan Kali Yang Kedua**
(Pindaan) 2025

[Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]

9. (D.R.10/2025) Rang Undang-undang Pemerangkapan, **Bacaan Kali Yang Kedua**
Penggunaan dan Penyimpanan Karbon 2025

[Menteri Ekonomi]

10. (D.R. 9/2025) Rang Undang-undang Iltizam Kecekapan **Bacaan Kali Yang Kedua**
Perkhidmatan Kerajaan 2025

[Perdana Menteri]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2025</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
DN 1/2025	Penyata Jawatankuasa Pemilih, Dewan Negara Menurut Peraturan Mesyuarat 70, Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Negara	19 Mac 2025
DN 2/2025	Penyata Jawatankuasa Dewan Bersama, Dewan Negara dan Dewan Rakyat Menurut Peraturan Mesyuarat 71, Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Negara dan Peraturan Mesyuarat 79, Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat	19 Mac 2025
DN 3/2025	Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Semakan Undang-undang, Majlis Mesyuarat Dewan Negara	19 Mac 2025
CMD. 3	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Perubatan Malaysia Bagi Tahun 2022	19 Mac 2025